

27 FEB 2001

DR MAHATHIR PULANG DARI FORUM BOAO DI HAINAN, CHINA

SUBANG, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini selepas menghadiri Forum Boao untuk Asia (BFA) yang diadakan di Hainan, China.

Pesawat yang membawa Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Pengkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini pada pukul 5 petang.

Ketika di Hainan, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan selama 30 minit dengan Presiden China Jiang Zemin, dan mereka telah berbincang mengenai isu semasa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya hadir pada majlis makan malam anjuran kerajaan wilayah Hainan.

Perdana Menteri menyampaikan ucaptamanya pada forum itu pagi ini sebelum berlepas pulang dari Hainan.

-- BERNAMA

MHI ES NMO